

Kursus Latihan Pengajar untuk kakitangan KUTKM

Archival News | Utusan Malaysia | 05/05/2003

MELAKA 4 Mei _ Pejabat Hal Ehwal Pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dan Biro Tata Negara (BTN), Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan kursus Latihan Pengajar di Hotel Century Mahkota dekat sini, selama lima hari bermula esok.

Dekan Hal Ehwal Pelajar KUTKM, Prof. Suaidi Datuk Shafie berkata, kursus itu yang berakhir pada Jumaat ini akan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan negeri, Datuk Long Said.

Menurutnya, penganjuran kursus tersebut bertujuan memberi kefahaman dan bimbingan kepada 50 orang kakitangan kolej itu sebelum mereka ditauliahkan oleh BTN sebagai penceramah atau fasilitator terlatih.

"Ia membolehkan pegawai KUTKM yang menyertai kursus ini dapat menyumbang tenaga profesional mereka dalam membantu menggerakkan organisasi, kerajaan negeri dan seterusnya kepada negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, penganjuran kursus itu adalah yang pertama diadakan bersama BTN di kalangan institusi pengajian awam dan diharapkan dengan pembabitan KUTKM sebagai rakan BTN dapat memenuhi keperluan ceramah untuk para pelajar.

"Semua pelajar mesti mengikuti sekurang-kurangnya satu program BTN sewaktu mereka mengikuti pengajian di universiti dan kursus ini merupakan sebahagian inisiatif KUTKM menyediakan penceramah sendiri bagi mengendalikan modul siswa BTN," katanya.

Katanya, majlis penutup kursus itu akan dilakukan oleh Ketua Pengarah BTN, Datuk Dr. Nordin Kardi.

(Source : Utusan Malaysia)